

TEKS UCAPAN
BRIG. JENERAL DATUK PROF DR KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
KEJOHANAN OLAHRAGA UniMAP 2013
27 OKTOBER 2013
KOMPLEKS SUKAN SYED SIRAJUDDIN AREEB PUTRA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP.

SALUTASI

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Zul Azhar Zahid Jamal,
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa
UniMAP)

Yang Berbahagia Prof Madya Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib
Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP)

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP

Yang Berusaha En Afizal Abu Othman, Pengarah Pusat Sukan UniMAP

Dekan-dekan dan ketua-ketua Jabatan

Pegawai-pegawai, Jurulatih-jurulatih dan Peserta-peserta dari seluruh Malaysia, Warga UniMAP,

Sahabat saya iaitu wakil-wakil media, Seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

KATA ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahNya, maka pada petang yang indah ini dapat kita bersama-sama hadir memeriahkan Majlis Penutup Kejohanan Olahraga UniMAP.

2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat Sekretariat Pusat Sukan di bawah pengurusan En Afizal Abu Othman dan semua barisan Jawatan Kuasa yang terlibat kerana sekali lagi berjaya meneruskan penganjuran kejohanan Olahraga Terbuka Kali Kedua yang mendapat sambutan yang begitu menggalakkan.

3. Di samping itu, ini juga merupakan penganjuran kali ke - 9 Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP diadakan. Ianya melibatkan staf dan pelajar UniMAP sendiri yang menyertai pelbagai acara olahraga yang dipertandingkan sebagai persediaan untuk menghadapi kejohanan olahraga lain di masa hadapan.

KEJOHANAN SUKAN YANG BERPRESTIJ

4. Sesungguhnya, kejohanan pada kali ini menjadi lebih berprestij apabila kita dapat melihat secara langsung aksi atlit olahraga negara dalam 8 acara sukan yang dipertandingkan. Saya dimaklumkan, kejohanan pada kali ini juga menjadi medan pemanas badan atlit kebangsaan yang akan mewakili negara ke Sukan Sea di Myanmar Disember ini.

5. Selain itu, saya difahamkan juga terdapat beberapa atlit negara yang menjadikan kejohanan UniMAP ini sebagai pentas terakhir untuk mencari tempat ke Kejohanan Sukan Sea di Myanmar. Sesungguhnya, saya amat berbangga apabila UniMAP – sebuah universiti yang berteraskan kejuruteraan mampu menganjurkan satu kejohanan olahraga yang berprestij dan mendapat sambutan atlit-atlit negara.

- 6. Antara nama-nama besar atlit negara yang beraksi sepanjang tiga hari ini ialah Rayzam Shah Wan Sofian dan Rohaizad Jamil dari acara 110 meter lari berpagar selain staf UniMAP sendiri Mohd. Robani Hassan yang turut bertanding dalam acara yang sama.**

- 7. Tidak ketinggalan, Atlit pecut wanita negara Komala Selvaratnam dan Nor Amirah Hanafiah turut beraksi di sini selain atlit pecut lelaki, Harith Ammar Mohd Sobri, Shamimi Ahmad serta atlit pelapis serantau dan kebangsaan. Bagi acara melontar peluru, kita dapat saksikan kehebatan dua atlit negara Adi Alifuddin dan Ahmad Ziyad.**

8. Sesungguhnya, penganjuran Terbuka UniMAP ini yang mana dicetuskan ideanya tahun lalu bersempena sambutan Sedekad UniMAP juga secara tidak langsung mampu meningkatkan keyakinan diri dan pada masa sama mengukur keupayaan atlit-atlit UniMAP untuk bersaing dengan peserta luar.

9. Dan lebih membanggakan lagi, kejohanan ini turut disertai oleh atlit paralimpik yang mana ia mampu menjadi medan terbaik untuk atlit-atlit yang sempurna memotivasikan diri untuk mencipta kejayaan yang lebih gemilang.
10. UniMAP amat berharap, penganjuran acara seperti ini dapat mengisi kalendar olahraga negara yang mana ketika ini kelihatan agak suram tanpa sebarang pertandingan. Saya percaya, kejohanan ini mampu menjadi medan pemanas badan untuk atlit-atlit terutama atlit junior mengukur kemampuan dan potensi diri sebelum menyertai Sukan Malaysia di Perlis tahun hadapan.
11. Sementara itu, penganjuran olahraga Tertutup UniMAP pula di harap akan terus membantu UniMAP melahirkan atlit-atlit pelajar yang berkualiti untuk mewakili UniMAP dalam kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) kali Ke-2 tahun hadapan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PEMBANGUNAN SUKAN YANG DILAKSANAKAN UniMAP

12. UniMAP selain memberi fokus kepada bidang akademik dan penyelidikan, turut memberikan tumpuan dalam membangunkan aspek sukan terutama dari segi penyediaan prasarana yang bersesuaian.

13. Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra yang disempurnakan perasmianya Jun lalu, merupakan bukti kesungguhan UniMAP dalam memartabatkan sukan ke persada antarabangsa. Trek sintetik yang terdapat di Kompleks Sukan ini secara rasminya juga telah mendapat pengiktirafan daripada **Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) dan Persekutuan Persatuan Olahraga Antarabangsa (IAAF).**

14. UniMAP selepas ini akan menaik taraf kesemua kemudahan sukan yang terdapat di Kompleks ini terutama padang bola, gelanggang tenis dan lapangan woodball agar setaraf dengan kemudahan yang disediakan di peringkat antarabangsa sebagai persediaan penganjuran kejohanan bertaraf antarabangsa lainnya.

15. Untuk makluman hadirin dan hadirat sekalian, UniMAP pada minggu hadapan bakal menganjurkan **1st ASIAN UNIVERSITY WOODBALL CHAMPIONSHIP 2013** yang menghimpunkan penyertaan dari 16 buah negara.

16. Kejohanan ini, merupakan kejohanan pemanas badan sebelum UniMAP menjadi hos penganjuran **4TH WORLD UNIVERSITY WOODBALL CHAMPIONSHIP** pada **23 hingga 27 Oktober 2014 nanti.**

PENUTUP

17. Akhir kata, semoga penganjuran kejohanan seumpama ini bukan sahaja membantu meningkatkan penganjuran acara sukan di Malaysia sebaliknya turut bertindak sebagai ejen promosi dalam mempopularkan aspek pelancongan di Malaysia amnya dan Perlis khususnya.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.